



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI RANCAKKAN SEKTOR EKONOMI NEGARA MENERUSI INISIATIF PEMASARAN DAN PENJENAMAAN *MYSTIE* 5.0

KUALA LUMPUR, 17 Disember 2021 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Akademi Sains Malaysia (ASM) hari ini melancarkan Inisiatif Pemasaran dan Penjenamaan *MySTIE* 5.0 untuk diaplikasikan oleh usahawan-usahawan tempatan dalam menginsankan teknologi atau *humanising technology*.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata demikian dalam ucapan perasmian program *Masterclass by Philip Kotler* bertajuk '*Company Decisions and Marketing 5.0*' yang diadakan secara maya, dihadiri oleh lebih seribu peserta dari seluruh negara.

Tambah beliau, "Inisiatif Pemasaran dan Penjenamaan *MySTIE* 5.0 akan memberi tumpuan kepada lima pendekatan iaitu *data-driven marketing*, *predictive marketing*, *contextual marketing*, *augmented marketing* dan *agile marketing* sebagai salah satu solusi kepada perniagaan dalam sektor terjejas akibat pandemik COVID-19."

Menurut data daripada *Digital Report 2021*, pada bulan Oktober 2021 sahaja, pengguna internet global mencecah 4.88 bilion. Justeru itu, usahawan yang berjaya perlu memahami kepentingan data untuk menganalisis trend semasa serta meramal pemintaan dan penawaran oleh pelanggan kerana setiap perniagaan yang diceburi akan bersifat mampan dan *future-proof*.

“Terdapat pelbagai jenis pemasaran yang dapat membawa pengaruh besar dalam menentukan *trend* perniagaan antaranya pengiklanan di media sosial, penggunaan data atau duta jenama dan pelbagai lagi kaedah yang sentiasa berubah laju dengan kemunculan pelbagai bentuk pemasaran luar biasa yang dicetuskan hari demi hari,” kata Dato’ Sri Dr. Adham lagi.

MOSTI yakin pendekatan ini boleh direalisasikan melalui aplikasi teknologi kecerdasan buatan, *Machine Learning* dan Program Neuro Linguistik yang akhirnya mampu memposisikan sesebuah negara itu ke tahap yang lebih tinggi.

MOSTI akan terus-menerus menawarkan sokongan kepada komuniti usahawan di negara ini agar sentiasa berada di hadapan dengan menggunakan kaedah pemasaran terbaik melalui teknologi dan inovasi terkini. Sekaligus dapat memenuhi matlamat *recovery*, *resilience* dan *reform* serta memahami kehendak pelanggan khususnya dalam situasi pandemik yang mencabar.

Program *Masterclass* julung kali ini menampilkan Profesor Emeritus Philip Kotler yang merupakan Profesor Ulung Pemasaran Antarabangsa S.C Johnson & Son dari *Kellogg School of Management, Northwestern University*, Amerika Syarikat. Beliau dikenali sebagai ‘Bapa Pemasaran Moden’ selain turut mempopularkan definisi ‘*Marketing Mix*’. Beliau juga menerbitkan lebih 80 buah buku pemasaran antaranya bertajuk *Kotler on Marketing*, *Marketing Insights from A to Z* dan *Marketing 4.0*.

TAMAT

**UNIT KOMUNIKASI PEMASARAN
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

Mengenai Akademi Sains Malaysia

ASM merupakan sebuah organisasi saintifik bebas di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI). ASM berusaha untuk menjadi badan pemikir negara dalam isu berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi, dan inovasi. Kami menyediakan platform untuk pertukaran idea di antara ahli akademik, pembuat dasar, masyarakat sivil dan industri.

ASM mempunyai lebih daripada 800 pakar dalam bidang Sains Kejuruteraan, Sains Perubatan dan Kesihatan, Sains Biologi dan Alam Sekitar, Teknologi Maklumat dan Sains Komputer, Sains Kimia, Matematik, Fizik dan Sains Bumi, Teknologi Sains dan Industri Pembangunan, serta Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Kegiatan utama kami termasuklah melakukan tinjauan pandangan jauh dan strategik, menerajui program strategik berdasarkan sains di peringkat nasional, serantau, dan global. Etos kami adalah "Budayakan Sains, Raikan teknologi, Cetuskan inovasi".

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Najib Mohd Idris

Eksekutif Kanan Komunikasi
No. Telefon: +6019.303.7847
E-mel: najib@akademisains.gov.my

Rahmat Shah Putra Samsul Rizal

Pegawai Perhubungan Awam
No. Telefon: 013.438.5363
E-mel: rahmat@akademisains.gov.my

Muhammad Syafiq Mohamad Shafiee

Penolong Eksekutif Komunikasi
No. Telefon: +6011.1287.0278
Emel: syafiq@akademisains.gov.my